



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 11 MEI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MAT SABU: ADEQUATE SUPPLY OF SEA CAUGHT FISH FOR NOW, NATION, THE STAR, M/S – 3 MAHA 2026 TUMPU PERTANIAN MODEN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 19	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3.	7,000 HAIWAN TERNAKAN DISEMBELIH PADA AIDILADHA, NEGARA, KOSMO, M/S – 14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	MALAYSIA HANYA TUMPU SIMPAN STOK BERAS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 6 TUAI PADI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 1 SAWAH DIKUASAI WARGA EMAS, NEGARA, KOSMO, M/S – 1 & 2 KURANG LIMA PERATUS PESAWAH BAWAH USIA 30 TAHUN, NEGARA, KOSMO, M/S – 2 NELAYAN KECIL KINI USAHAWAN SAMBAL IKAN TALANG MASIN, INSPIRASI NIAGA, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 24 MOHD. SYAFIQ BUKA KELAS KONGSI ILMU PERTANIAN, K-KAMPUS, KOSMO, M/S – 24 FARMERS GO HIGH-TECH TO FIGHT FAKE PENANG DURIANS, NATION, THE STAR, M/S – 8	LAIN – LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Mat Sabu: Adequate supply of sea-caught fish for now

SUNGAI PETANI: The supply of sea-caught fish in the country is still sufficient and remains at a controlled level, although deep-sea fishing boat operators are facing increased operating costs due to the rise in diesel prices, says Datuk Seri Mohamad Sabu (*pic*).

The Agriculture and Food Security Minister said that so far, the supply of fish in the market is still available, but the government is prepared to face the possibility of a reduction in marine catch in the future.

He said the situation is due to deep-sea fishing boat operators,

especially C2 vessels operating in the open sea, facing high diesel costs without subsidies, which could in turn affect fishing activities.

"So far, the marine catch is still normal, but the C2 vessels that go out to sea are facing an increase in diesel prices without subsidies, which might reduce their trips out to sea and the catch might be somewhat affected, but for now, fish is still available in the market," he said.



Mohamad said this when met by reporters after conducting a working visit to the Milkfish Farming Project at Usaha Fadzilat Sdn Bhd in Batu Lintang here yesterday, reported Bernama.

Mohamad said the government hopes the aquaculture sector can help meet supply in the event of a shortage of sea-caught fish in the future.

He said the ongoing Middle East conflict has also raised con-

cerns about the rise in global oil prices, which could impact the country's fishing industry.

"If the conflict continues, the prices of petrol and diesel will remain high and can affect those involved in fishing, especially at sea," he said.

He said that the government always welcomes any party to get involved in the aquaculture industry and provides various incentives and subsidies to assist entrepreneurs.

Meanwhile, Mohamad also said the milkfish farming project covering more than 80ha with 31

ponds by the company is capable of producing about 3,000 tonnes of fish per year and is seen as having the potential to strengthen the country's food security aspect.

"The issue of food security requires us to take immediate action to ensure a better future, I am pleased to see the success of this company in producing 3,000 tonnes per year, and I hope that figure can be further increased," he said, adding that the Fisheries Department will also examine suitable areas with access to seawater to expand aquaculture activities in the country.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	19



Mohamad ketika melancarkan Truck Road to MAHA 2026.



Mohamad melihat pameran yang terdapat di atas Truck Road to MAHA 2026.

MAHA 2026 tumpu pertanian moden

Tetap diteruskan pada 28 Ogos hingga 6 September di MAEPS Serdang

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

ALOR SETAR - Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2026 tetap diteruskan pada 28 Ogos hingga 6 September ini dengan pelbagai tarikan baharu dan pengisian interaktif walaupun dunia dan negara berdepan cabaran krisis bekalan global.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, penganturan MAHA menjadi

antara platform penting dalam usaha kerajaan memperkukuh keterjaminan makanan negara serta merencanakan sektor pertanian dan agro makanan tempatan.

Menurutnya, MAHA 20206 yang dijadual berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang dijangkakan mencatatkan nilai memorandum persefahaman (MoU) perdagangan mencecah RM8 bilion sepanjang ekspo berlangsung.

"Walaupun dunia dan negara kita sedang berhadapan dengan krisis bekalan global, namun MAHA 2026 tetap diteruskan. Ini kerana acara MAHA termasuk dalam salah satu usaha penting kerajaan untuk menggalakkan aktiviti pertanian di negara ini.

"Dalam keadaan geopolitik dunia dan perubahan iklim yang semakin tidak menentu di dekad ini, maka segala usaha meningkatkan tahap keterjaminan makanan

negara akan menjadi keutamaan dan tekad Kerajaan Madani," katanya ketika melancarkan Program Road to MAHA 2026 Zon Utara di Aman Central di sini pada Sabtu.

Jelas Mohamad, pelancaran Road to MAHA di Alor Setar menjadi permulaan siri jelajah promosi MAHA ke seluruh negara bagi mendekati acara itu kepada rakyat khususnya komuniti peladang, usahawan agro dan golongan belia.

Katanya, edisi MAHA tahun lalu merekodkan lebih lima juta kehadiran dan kerajaan berharap jumlah sama dapat dicapai tahun ini.

"Tumpuan utama tahun ini ialah soal pemodenan pertanian. Kita mahu rakyat melihat bagaimana teknologi dan inovasi mampu membantu meningkatkan produktiviti sektor ini.

"Kita harap dengan pelancaran ini, rakyat akan mendapat tahu

dan membuat persediaan awal untuk hadir ke MAHA 2026 di Serdang. Pempamer dari luar negara akan bersama dan menunjukkan teknologi mereka dan kita mengambil contoh dan laksanakan di negara kita," ujarnya.

Beliau turut melancarkan Truck Road to MAHA 2026 yang bakal menjelajah ke seluruh negara sebagai usaha mempromosikan ekspo berkenaan lebih awal kepada masyarakat.

Pada majlis sama, Mohamad turut mengumumkan pakej pinjaman modal khas kepada pesawah yang disediakan oleh

Agrobank.

Menurutnya, usaha berkenaan diperkenalkan oleh bank tersebut bagi memastikan pesawah tidak berdepan kekurangan modal untuk memulakan kerja penanaman.

"Sukacita saya umumkan, pihak Agrobank ada menyediakan pakej pinjaman modal kepada pesawah dan Agrobank telah bersetuju untuk memberikan diskaun 50 peratus ke atas kadar keuntungan bagi pinjaman ini. Butiran lanjut mengenai inisiatif ini akan dikeluarkan oleh pihak Agrobank," ujarnya.



Mohamad (tengah) melancarkan Program Road to MAHA 2026 Zon Utara di Aman Central, Alor Setar pada Sabtu.



Truck Road to MAHA 2026 bakal menjelajah ke seluruh negara sebagai usaha mempromosikan ekspo berkenaan lebih awal kepada masyarakat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2026	KOSMO	NEGARA	14



ANUN (kiri) merasmikan Kempen Kesedaran Awam Pencegahan Penyakit Haiwan Ternakan peringkat Terengganu di Kuala Terengganu semalam.

7,000 haiwan ternakan disembelih pada Aidiladha

KUALA TERENGGANU – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri menjangkakan hampir 7,000 lembu, kerbau, kambing, kambing biri-biri dan unta akan disembelih sebagai ibadah korban sempena Aidiladha hujung bulan ini.

Pengarah Veterinar Terengganu, Dr. Anun Man berkata, jumlah itu meningkat hingga lima peratus berbanding tahun lalu.

“Sebanyak 6,229 ekor haiwan ternakan disembelih sempena Aidiladha tahun lalu. Kita menjangkakan sembelihan bagi ibadah korban tahun ini akan meningkat dua dan lima peratus,” katanya di sini semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan Kempen Kesedaran Awam Pencegahan Penyakit Haiwan Ternakan peringkat Terengganu.

Katanya, individu tempatan yang berhasrat untuk melaksanakan ibadah korban boleh memohon permit penyembelihan di pejabat JPV berhampiran mulai semalam.

Permohonan permit sembelihan luar dikenakan caj RM35 seekor untuk lembu dan kerbau, manakala kambing dan bebiri RM25 seekor yang akan dibuka sehingga 21 Mei ini.

“Upacara sembelihan ibadah korban dibenarkan pada 10 hingga 13 Zulhijjah. Pergerakan haiwan korban pula dibenarkan bermula 24 hingga 30 Mei,” katanya.

Dalam perkembangan sama, Anun berkata, orang ramai turut digalakkan melaksanakan ibadah korban di 10 rumah sembelihan yang terdapat di seluruh Terengganu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Malaysia hanya tumpu simpan stok beras

PETALING JAYA: Malaysia hanya tertumpu kepada simpanan atau stok beras semata-mata dan belum menyeluruh bagi semua kategori makanan strategik untuk jangka panjang.

Justeru, negara tiada kapasiti simpanan makanan jangka panjang seperti negara maju lain, sekali gus mendedahkan rakyat kepada risiko gangguan bekalan, sekiranya berlaku krisis global berpanjangan.

Pensyarah Jabatan Perniagaantani dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Norsida Man berkata, kapasiti simpanan makanan negara ketika ini masih tertumpu kepada simpanan jangka pendek hingga sederhana, selain lebih memfokuskan kepada stok beras.

Katanya, Malaysia juga belum mempunyai stok makanan untuk tempoh bertahun-tahun seperti dilaksanakan negara maju antaranya China dan Switzerland.

“Mekanisme simpanan makanan Malaysia masih lebih tertumpu kepada beras dan belum menyeluruh untuk semua kategori makanan strategik seperti gandum, jagung makanan ternakan, daging atau sayuran.

“Oleh kerana kebergantungan tinggi terhadap import menyebabkan negara masih terdedah jika berlaku gangguan bekalan global,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Malaysia dan negara-negara ASEAN perlu memiliki mekanisme simpanan makanan sebagai langkah menghadapi krisis global yang boleh menjejaskan bekalan dan kestabilan harga.

Untuk itu, negara-negara anggota perlu merangka satu inisiatif yang menyentuh soal penyelarasan dan tindak balas kecemasan agar dapat dilaksanakan lebih pantas.

Norsida berkata, isu makanan ketika ini tidak lagi boleh dilihat sebagai isu pertanian semata-mata, sebaliknya sudah menjadi sebahagian daripada aspek keselamatan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	MUKA HADAPAN	1



Tuai padi

SEORANG pekerja memantau kerja-kerja menuai padi menggunakan mesin penuai di kawasan sawah di Paya Sepayang di Rompin, Pahang. Penggunaan jentera moden itu mempercepatkan proses menuai padi sekali gus membantu petani meningkatkan hasil. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2026	KOSMO	MUKA HADAPAN	1

Sawah dikuasai warga emas

- **Golongan belia tidak minat terlibat industri pertanian**
- **Penggunaan teknologi moden mampu tarik orang muda**

Oleh NURUL IZZATI ZAINI

PETALING JAYA – Malaysia kini berdepan cabaran besar dalam

sektor pertanian apabila lebih 70 peratus pesawah di negara ini terdiri daripada golongan berusia 65 tahun ke atas, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap kekurangan pelapis muda dalam industri tersebut.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, isu penuaan petani merupakan antara kekangan utama negara untuk bersaing dengan negara jiran selain faktor kos bu-

ruh dan pengeluaran yang tinggi serta keluasan tanah pertanian yang terhad.

Justeru kata beliau, penggunaan teknologi moden perlu diperkasakan bagi memastikan sektor pertanian lebih efisien selain mampu menarik minat golongan muda yang selama ini melihat bidang tersebut sebagai pekerjaan 3D (*difficult, dangerous, dirty*) iaitu sukar, berbahaya dan kotor.

►BERSAMBUNG
DI MUKA 2

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2026	KOSMO	MUKA HADAPAN	2

Sawah dikuasai warga emas

DARI MUKA 1

"Lebih 70 peratus petani kita sekarang berusia lebih 65 tahun. Jadi memang cabaran besar kita sekarang ialah mencari pelapis muda dalam sektor pertanian.

"Tambahan pula negara jiran, seperti Thailand kos buruh murah sebab itu harga sayur mereka juga murah.

"Disebabkan itu kita perlu gunakan teknologi moden seperti dron, sistem fertigasi dan automasi supaya kerja pertanian jadi lebih mudah, tidak terlalu menggunakan tenaga fizikal dan lebih menarik kepada golongan muda," katanya ketika ditemui *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambah Mohamad Zabawi, kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama Mardi kini terus memberi fokus kepada pemodenan sektor pertanian termasuk melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang menjurus kepada penggunaan teknologi moden dalam industri tersebut.

Mohamad Zabawi berkata, penggunaan teknologi seperti dron yang menarik minat golongan muda turut mengubah kaedah tradisional pertanian yang selama ini memerlukan tenaga kerja berat.

"Kalau dulu petani kena berjaja



MOHAMAD ZABAWI

lan dalam sawah untuk memajak atau dukung penyembur racun, sekarang banyak kerja boleh dibuat menggunakan dron dan mesin moden.

"Itu antara perkara yang boleh menarik minat anak muda sebab mereka tahu kerja pertanian sekarang tidak lagi terlalu susah dan kotor," katanya.

Mengulas lanjut, Mohamad Zabawi berkata, sehingga kini lebih 60 peratus petani tempatan khususnya golongan muda semakin terbuka mengaplikasikan teknologi moden dalam sektor pertanian termasuklah melibatkan sistem fertigasi, pengairan automatik dan dron.

Beliau menjelaskan, sektor pertanian negara kini sedang bergerak ke arah pemodenan secara lebih menyeluruh terutama



PENGGUNAAN teknologi seperti dron dalam pertanian termasuk penanaman padi mampu meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh.

bagi meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh manual.

"Penggunaan teknologi dalam kalangan petani telah pun diterapkan untuk tanaman sayur seperti cili dan tomato misalnya, kebanyakannya sudah menggunakan sistem fertigasi dan pelbagai sistem moden lain.

"Malah, tanaman buah-bua-

han dan tanaman perennial (tanaman yang membuahkan hasil sepanjang tahun) juga sudah mempunyai sistem pengairan moden dan tidak lagi terlalu bergantung kepada kaedah tradisional," katanya.

Menurutnya, teknologi moden dapat membantu mengatasi isu kekurangan tanah pertanian selain mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh.

"Kita memiliki kilang tanaman dan sistem fertigasi yang tidak memerlukan tanah luas atau tanah subur sepenuhnya. Malah atas batu pun boleh buat fertigasi.

"Apabila sistem sudah dibangunkan, kita boleh kurangkan penggunaan buruh selain memastikan tanaman lebih berkualiti dan hasil pengeluaran lebih tinggi," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2026	KOSMO	MUKA HADAPAN	2

Kurang lima peratus pesawah bawah usia 30 tahun



PENINGKATAN kos operasi termasuk penuaian dan baja menjadi antara faktor utama anak muda kurang berminat menceburi bidang tersebut.

PETALING JAYA – Sektor tanaman padi negara kini berdepan krisis pelapis apabila golongan muda berusia 15 hingga 30 tahun yang terlibat sebagai pesawah dianggarkan tidak sampai lima peratus daripada keseluruhan pengusaha sawah di negara ini.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSawah), Abdul Rashid Yob berkata, situasi itu menunjukkan sektor persawahan sedang mengalami penuaan yang serius selain kekurangan generasi muda untuk meneruskan industri tersebut pada masa depan.

Menurut beliau, majoriti pengusaha sawah ketika ini terdiri daripada golongan berusia 50 tahun ke atas yang kebanyakannya mewarisi pekerjaan itu daripada keluarga sejak sekian lama.

"Kalau berdasarkan bncian pertanian dan laporan semasa yang kita terima, penglibatan golongan muda berumur 15 hingga 30 tahun dalam sektor pesawah saya anggarakan tidak sampai lima peratus.

"Bagi kelompok umur 31 hingga 45 tahun pula sekitar 15 hingga 19 peratus, manakala majoriti pesawah sekarang berumur lebih 50 tahun," katanya.

Difahamkan, Malaysia kini mempunyai kira-kira 200,000 pesawah dari pelbagai peringkat umur yang terlibat dalam sektor berkenaan.

Abdul Rashid berkata, penggunaan teknologi moden seperti dron, GPS, sensor dan aplikasi digital memang berpotensi besar untuk menarik minat anak muda menyertai sektor persawahan.

Katanya, teknologi tersebut mampu mengubah persepsi bahawa kerja sawah memerlukan tenaga fizikal yang tinggi selain dapat meningkatkan kecekapan pengurusan ladang.

"Penggunaan dron untuk semburan racun, traktor moden dan sistem pengurusan ladang digital memang menarik minat belia kerana mereka lebih cenderung kepada teknologi dan mesin moden.

"Dalam beberapa projek yang

kita laksanakan, penyertaan belia boleh mencecah sekitar 30 peratus apabila penggunaan teknologi moden diperkenalkan," ujarnya.

Bagaimanapun, Abdul Rashid berkata, teknologi sahaja masih belum mencukupi untuk memastikan golongan muda terus kekal dalam sektor tanaman padi.

Menurut beliau, peningkatan kos operasi termasuk pembajakan, penuaian, diesel dan baja selain keuntungan yang rendah menjadi antara faktor utama anak muda kurang berminat menceburi bidang tersebut.

"Tanaman padi sekarang sangat berisiko dan pendapatannya tidak stabil. Kalau bidang ini tidak memberi keuntungan yang baik, golongan muda akan pilih kerja lain yang lebih menjamin pendapatan mereka.

"Sebab itu selain teknologi, kerajaan juga perlu melihat soal pendapatan dan dasar yang boleh menjamin masa depan pesawah muda supaya sektor ini kekal berdaya maju," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	INSPIRASI NIAGA	24

NELAYAN KECIL KINI USAHAWAN SAMBAL IKAN TALANG MASIN

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
zakkinatarmizi@mediamula.com.my

BERMULA sebagai nelayan kecil yang menangkap ikan untuk kegunaan sendiri, kini Noryati Othman, 48, berjaya mengembangkan perusahaannya sambal dan produk ikan masin sehingga mampu membantu komuniti nelayan setempat menajana pendapatan.

Noryati berkata, titik perubahan perniagaannya bermula apabila menerima bantuan geran bernilai RM50,000 daripada Jabatan Perikanan Negeri Sembilan pada 2023 bagi menaik taraf operasi pemprosesan makanan laut.

Katanya, bantuan itu digunakan untuk membeli pelbagai peralatan termasuk dua unit peti ais, mesin pembungkusan, kualiti besar, mesin pengering dan kemudahan pembungkusan yang lebih moden.

"Dahulu kami hanya buat secara kecil-kecilan dengan komuniti nelayan. Sekarang dengan bantuan peralatan daripada Jabatan Perikanan, proses pengeluaran jadi lebih teratur dan maju," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Selain itu, Noryati turut menerima bantuan tambahan sekitar RM28,000 bagi tujuan pembungkusan produk menggunakan botol yang lebih berkualiti dan sesuai untuk pasaran.

Katanya, antara produk utama yang dihasilkan ialah sambal ikan talang masin, sambal kerisik dan sambal gesek yang dijual pada harga sekitar RM15.90 sebotol.

"Pengeluaran sambal ketika ini mencecah sekitar 450 botol sebulan, terutama apabila menyertai pelbagai program jualan dan ekspo.

"Kalau ikut satu kawah, boleh menghasilkan sekitar 40 hingga 50 botol sambal. Kami pernah juga mencapai jualan 450 botol sebulan apabila banyak menyertai program," katanya.

Noryati berkata, bahan mentah utama iaitu ikan talang mudah diperolehi di sekitar Port Dickson pada musim tertentu dengan harga sekitar RM5 sekilogram.

"Ikan talang ini bukan ikan komersial yang meluas, jadi bila musim banyak, nelayan akan kongsi dalam komuniti untuk diproses jadi ikan masin dan sambal," katanya.

Menurut Noryati, perusahaan itu bukan sahaja memberi manfaat kepada dirinya, malah membantu lebih 40 ahli komu-



NORYATI Othman (dua dari kiri) bersama komuniti nelayan Bagan Pinang ketika menerima bantuan peralatan daripada Jabatan Perikanan Negeri Sembilan.



NORYATI Othman (empat dari kiri) menunjukkan produk ikan talang yang dijadikan sambal dalam Program Labuh Unjam di Pangkalan Bagan Pinang, Port Dickson baru-baru ini.

niti nelayan di bawah pertubuhan MyKP Bagan Pinang.

Tambahnya, selain perusahaan sambal, kumpulan itu turut mengusahakan restoran ikan bakar dan aktiviti pelancongan kayak memancing (kayak fishing) bagi menambah sumber ekonomi komuniti.

"Kami mahu barang kecil dijadikan besar, apabila komuniti bersatu, hasil nelayan boleh dipelbagaikan dan mendapat pendapatan lebih baik," katanya.

Beliu berkata, pihak Jabatan Perikanan juga banyak membantu dari segi latihan pemasaran digital termasuk penggunaan media sosial, Facebook dan TikTok bagi memperluas pasaran produk.

NORYATI Othman menunjukkan produk sambal ikan talang masin.



"IKAN TALANG INI BUKAN IKAN KOMERSIAL BESAR. JADI BILA MUSIM BANYAK, NELAYAN AKAN KONGSI DALAM KOMUNITI UNTUK DIPROSES JADI IKAN MASIN DAN SAMBAL."

Dalam usaha meningkatkan ketahanan produk, Noryati turut mengikuti kursus teknologi retort yang membolehkan sambal tahan antara enam bulan hingga setahun tanpa penggunaan bahan pengawet berlebihan.

Bagaimanapun, beliau turut mengakui cabaran utama ketika ini ialah kekurangan lokasi strategik untuk jualan serta usaha menembusi pasaran pasar raya.

"Kita sedang berusaha memohon tapak TOL dan pada masa sama dalam proses mendapatkan pensijilan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) serta MESTI untuk meluaskan pemasaran," katanya.

Pada masa depan, Noryati bercadang melaksanakan projek 'crab bank' bagi tujuan pembenihan ketam dengan melepaskan semula induk bertelur ke laut sebagai usaha memelihara sumber marin.

Dia turut menasihatkan komuniti nelayan agar tidak malu mengikuti kursus dan latihan per-cuma yang disediakan Jabatan Perikanan.

"Jangan segan masuk kursus kerana banyak ilmu boleh bantu tingkatkan pendapatan komuniti nelayan," katanya.

Kerjaya TVET

Oleh FARID AHMAD TARMUJ

MINAT dalam aktiviti berkebun sejak kecil telah mendorong Mohd. Syafiq Ahmad Khasasi untuk mendalami Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam bidang pertanian. Oleh itu, setelah tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dia memilih untuk mengambil Diploma Pertanian di Kolej Risda yang kini dikenali sebagai Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM).

Ibunya, Zaharah Yaakub menjadi insan penting yang mendorong Mohd. Syafiq untuk mendalami bidang tersebut.

"Ketika kecil, saya sering berkebun di halaman rumah bersama ibu dan dia mengajar saya untuk menanam biji benih daripada buah yang kami makan seperti biji buah tembikai.

"Selain itu, ketika di sekolah saya ada juga belajar mata pelajaran kemahiran hidup berkenaan pertanian dan itu semua mendorong saya untuk minat berkebun," katanya yang berusia 35 tahun.

Apabila berpeluang melanjutkan pengajian, dia memilih untuk mendalami bidang pertanian. Pelbagai ilmu pertanian yang dipelajarinya ketika di UCAM. Dia belajar tentang asas pertanian, perikanan dan akuakultur, perladangan, penternakan serta perniagaan tani.

Pemilihannya mendalami bidang tersebut merupakan satu keputusan yang tepat dan selepas tamat pengajian Mohd. Syafiq terus mendapat pekerjaan.

"Selepas tamat pengajian saya mendapat dua tawaran pekerjaan.

"Saya memilih untuk bekerja di Risda Plantation sebagai Eksekutif Ladang hampir setahun, kemudian saya mendapat tawaran untuk berkhidmat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai Penolong

Mohd. Syafiq buka kelas kongsi ilmu pertanian



ATAS: Minat berkebun telah disemai oleh ibunya sejak kecil membuatkan Mohd. Syafiq mengambil keputusan melanjutkan pengajian dalam bidang tersebut.

BAWAH: MOHD. SYAFIQ juga menghasilkan produk sendiri iaitu baja wangi organik yang menggunakan bahan daripada tumbuhan dan batuan mineral.

Pegawai Pertanian (Pengurus Ladang)," jelasnya. Tambahnya, di UPSI dia bukan hanya bekerja, malah secara tidak langsung dapat juga belajar ilmu baharu dengan lebih mendalam dalam bidang pertanian.

Mohd. Syafiq turut menitipkan rasa syukur kerana dapat belajar banyak ilmu tentang pertanian daripada mereka yang hebat di dalam bidang itu sepanjang sesi pembelajaran dan pekerjaan.

Terdetik di hatinya bahawa ilmu perlu dikongsi dengan orang ramai. Oleh itu, dia menggunakan platform media sosial untuk berkongsi ilmu pengetahuan di dalam bidang tersebut.

Pada 2017, dengan dorongan isteri, Siti Aisyah Zainol, dia membangunkan platform media sosial dengan nama CEQGUKEBON (CK) dan diikuti 2,000 pengikut sahaja pada peringkat awal.

Di situ dia berkongsi ilmu berkebun tepi rumah, kebun dapur dan tanaman buah-buahan seperti pokok buah tin yang boleh di tanam di kawasan rumah.

Sejak itu, pengikutnya semakin bertambah dan untuk Facebook peribadinya iaitu Mohd Syafiq Ahmad Khasasi telah mencapai 187,000 pengikut dan di Facebook *Gardening by Cikgu Kebun* mempunyai 78,000 pengikut serta di Tiktok *Cikgu kebun* mempunyai 122,000 pengikut.

Mohd. Syafiq menjelaskan, dia juga membuka kelas berkebun di tepi rumah fokus pada tanaman sayuran daun dengan yuran pembelajaran serendah RM35 sahaja secara online di Facebook.

"Di dalam kelas ini saya mengajar bermula daripada semai biji benih sayur hingga tuai.

"Semua ilmu saya akan ajar secara teori dan amali secara 'live' bermula daripada banchuan tanah, semaian, penjagaan tanaman dan lain-lain lagi," terangnya.

Tambahnya, disebabkan kelas ini diadakan secara online dia turut menerima pelajar dari seluruh Malaysia dan Singapura.

Malah, ada rakyat Malaysia yang berada di Dubai turut mengikuti kelas yang dianjurkan itu. Kini, Mohd. Syafiq menumpukan usaha sepenuhnya menjadi pencipta kandungan dalam bidang pertanian.

Malah, dia juga telah banyak menganjurkan kelas bersejua untuk mengajar orang ramai berkebun.

Selain itu, dia juga menghasilkan produk sendiri iaitu baja wangi organik yang dihasilkan dengan menggunakan bahan daripada tumbuhan dan batuan mineral.

Sambutan yang diterima untuk produk tersebut juga amat baik. Mohd. Syafiq juga berkongsi bahawa bidang pertanian ini sebenarnya menawarkan banyak peluang pekerjaan. Generasi muda boleh memilih untuk melanjutkan pengajian di dalam bidang ini jika berminat.

"Dengan ilmu pertanian yang ada kita boleh memohon untuk berkhidmat di agensi pertanian milik kerajaan ataupun swasta.

"Selain itu, kita boleh menjadi seorang usahawan di dalam bidang pertanian," jelasnya.

Dalam masa yang sama, Mohd. Syafiq menjelaskan, penglibatan generasi muda di dalam bidang pertanian ini penting dalam membantu ketahanan makanan negara.

Kerajaan perlu menggalakkan generasi muda untuk menceburi bidang tersebut.

"Apabila lebih ramai yang melibatkan diri di dalam bidang ini, makanan negara kita lebih terjamin meskipun situasi geopolitik global berada dalam keadaan yang tidak menentu," katanya.

Farmers go high-tech to fight fake Penang durians

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Durian growers here are taking the fight against fake Penang durians into their own hands with a QR code tracking system enabling buyers to trace each fruit orchard within seconds.

The digital authentication initiative rolled out by the Penang Fruit Farmers Association aims to stop durians from other states or countries from being passed off as Penang's prized King of Fruits, amid rising demand for premium Malaysian durians worldwide.

Under the system, a QR code tag is attached to the stem of each durian before farmers activate the fruit's details online.

Association chairman Kie Kim Hwa said consumers can scan the code with a smartphone camera to instantly access information linked with the durian, including its source and verification details.

Each QR code remains valid for seven days from the first scan

fruits directly at stalls," he said yesterday.

Kie said the project is in its early stages and will be fine-tuned over time, with future upgrades possibly displaying the durian variety too.

The association has about 250 members comprising small and medium-scale orchard owners in Penang, with about 200 actively involved in durian cultivation.

Backing the effort, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the QR code initiative is good as growers are placing greater emphasis on quality standards.

"Malaysian durians are renowned for their quality and that is why in some countries, there are cases where durians are falsely represented as Malaysian durians.

"We need to discuss this further with the Chinese authorities, including the General Administration of Customs China (GACC), to ensure Malaysian durians retain their branding identity

and QR authentication system," he said after visiting durian stalls at Anjung Indah in Balik Pulau yesterday.

Penang tourism and creative economy committee chairman Wong Hon Wai said the QR code method would help safeguard the reputation of Penang durians, which are widely known for their rich aroma and creamy texture.

He said Penang has also launched a brochure titled *Durian Legend: Savouring Penang's King of Fruits*, featuring updated information on durian stalls, farms, estates and resorts across the island and Seberang Perai.

The QR code initiative is similar to a plan by the Penang government last year to introduce a "Track and Trace" system for durians in collaboration with MIMOS Bhd last year.

The system, known as MI-Trace, was to help combat fake Balik Pulau durians and strengthen the authenticity of Penang's premium durian branding, particularly for export markets such as China.



Proof of authenticity: Kie showing the Balik Pulau durians individually tagged with QR code certification. — LIM BENG TATT/The Star

as an added safeguard against duplication and misuse, he said, adding that farmers can obtain the QR tags through the association.

"We have a tech company operating the online database to track the durians and even issue alerts if duplication is detected.

Customers can also verify the